

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK JUMAT BIN IDRIS

TARIKH : 15 NOVEMBER 2016 (SELASA)

SOALAN : 42

YB Datuk Jumat bin Idris [Sepanggar] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah tindakan Kementerian terhadap nelayan-nelayan asing dari Vietnam yang menangkap ikan di perairan Sepanggar, di Laut China Selatan dan nelayan laut dalam yang menggunakan kapal-kapal asing Vietnam yang telah menjejaskan pendapatan nelayan tempatan.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Maritim Malaysia sentiasa melaksanakan rondaan secara berterusan di perairan tersebut terutamanya di kawasan sempadan perairan Negara. Pengawasan dan pemantauan ini dilaksanakan melalui rondaan berskala menggunakan kapal, bot dan pesawat udara.

Melalui penguatkuasaan yang dilaksanakan ini, terdapat dua tangkapan yang melibatkan enam (6) buah bot nelayan Vietnam dan seramai 54 orang tekong dan awak-awak telah ditahan melakukan pencerobohan di perairan Negara bagi tahun 2016. Tekong dan awak-awak dihadapkan ke mahkamah untuk proses perbicaraan dan jika didapati bersalah mereka akan di jatuhkan hukuman penjara dan denda. Manakala bot yang disyaki akan dilucuthak kepada Kerajaan Malaysia dan hasil tangkapan dilelong.

Maritim Malaysia juga sentiasa bekerjasama dengan komuniti maritim agar segala permasalahan dapat diambil tindakan segera. Program Sahabat Maritim juga diperkenalkan bagi memastikan komuniti maritim menjadi mata dan telinga kepada Agensi ini dari segi penyaluran maklumat dari semasa ke semasa. Manakala program bertemu pelanggan turut diadakan dengan melibatkan perjumpaan bersama nelayan-nelayan serta pengusaha bot yang dilakukan di semua kawasan atau pangkalan nelayan sepanjang tahun.

Untuk makluman, terdapat juga bot-bot nelayan Vietnam yang disewa oleh pengusaha tempatan dan dilesenkan oleh Jabatan Perikanan Sabah. Senarai vesel laut dalam Sabah yang dilesenkan seperti di Lampiran 1.

Sekian, terima kasih.